



ANWAR Ibrahim (tengah) dibawa melawat tapak projek selepas Majlis Peluncuran Loji Janakuasa Solar Hibrid di Cypark Solar Merchang, Marang semalam. - UTUSAN/PUQTRA HAIRRY ROSLI

Malaysia tertinggal sektor tenaga boleh diperbaharui

Oleh Z Aid MOHD. NOOR dan KAMALIZA KAMARUDDIN
utusannews@mediamulia.com.my

MARANG: Datuk Seri Anwar Ibrahim menyarankan semua institusi sains negara bekerjasama dengan universiti dan sektor swasta untuk meningkatkan kemajuan dalam bidang penyelidikan sektor tenaga boleh diperbaharui.

Perdana Menteri berkata, Malaysia perlu meletakkan tumpuan dalam bidang penyelidikan tersebut di hadapan

untuk bersaing dengan negara-negara lain.

Menurut beliau, pada masa ini, Malaysia masih jauh tertinggal berbanding negara-negara seperti Brazil, India, dan Turkiye serta Abu Dhabi, Emiriah Arab Bersatu (UAE).

"Terus terang Malaysia masih ketinggalan berbanding Brazil, India, Cina, Turkiye dan Abu Dhabi yang meletakkan ke depan tumpuan mereka dalam bidang penyelidikan tersebut," katanya Pada Majlis Peluncuran Loji Janakuasa Solar

Cypark Solar Merchang, di sini semalam.

Selain itu, kata Anwar, negara perlu berdaya saing terutama dalam bidang penggunaan kecerdasan buatan (AI), transformasi digital, transisi tenaga dan teknologi lain bagi menyokong kepelbagaian ekonomi.

"Kita perlu bersedia membawa perubahan supaya sesuai dengan keadaan semasa," kata beliau.

Dalam pada itu, Perdana Menteri berkata, peneroakan

dalam bidang baharu itu juga boleh dimulakan di peringkat Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) dengan perkongsian kepakaran dan pihak berkenaan.

Beliau berkata, TVET perlu melakukan perubahan supaya bersesuaian dengan keperluan semasa dan tidak boleh mengekalkan sistem TVET terdahulu.

"TVET bukan 10 tahun lalu, tidak boleh kekal sistem dahulu yang tak beri penekanan digital transformation," ujarnya.